



28 Mei 2012  
28 May 2012  
P.U. (A) 159

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN HAK CIPTA  
(BADAN PELESENAN) 2012

*COPYRIGHT (LICENSING BODY) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA HAK CIPTA 1987

PERATURAN-PERATURAN HAK CIPTA (BADAN PELESENAN) 2012

---

SUSUNAN PERATURAN

---

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Fi yang ditetapkan
4. Borang
5. Permohonan untuk perisytiharan
6. Perisytiharan
7. Daftar Badan Pelesenan
8. Pembatalan
9. Kewajipan badan pelesenan
10. Fi yang tidak boleh dibayar balik

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA HAK CIPTA 1987

PERATURAN-PERATURAN (BADAN PELESENAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 27A dan 59 Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan (Badan Pelesenan) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2012.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Akta" ertinya Akta Hak Cipta 1987;

"Daftar" ertinya Daftar Badan Pelesenan yang disebut dalam subperaturan 7(1);

"Pejabat Hak Cipta" ertinya pejabat Perbadanan;

"Pengawal" hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta;

"Perbadanan" hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta;

"Tribunal" hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta.

### **Fi yang ditetapkan**

3. Fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

### **Borang**

4. (1) Borang yang disenaraikan dalam Jadual Kedua hendaklah digunakan bagi maksud yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini.

(2) Kandungan borang yang disenaraikan dalam Jadual Kedua adalah sebagaimana yang ditentukan oleh Pengawal.

### **Permohonan untuk perisytiharan**

5. (1) Suatu permohonan di bawah subseksyen 27A(2) Akta hendaklah dibuat dalam Borang LB-1 bersama dengan fi yang ditetapkan kepada Pengawal.

(2) Borang LB-1 hendaklah ditandatangani oleh seorang pengarah, pengurus, setiausaha, pekongsi, atau pegawai atau orang lain yang serupa bagi persatuan, pertubuhan, pertubuhan perbadanan atau firma, mengikut mana yang berkenaan.

### **Perisytiharan**

6. (1) Tertakluk kepada peraturan 5, Pengawal boleh mengeluarkan suatu perisytiharan di bawah subseksyen 27A(3) Akta yang mengisytiharkan pemohon sebagai suatu badan pelesenan jika Pengawal berpuas hati bahawa—

(a) peraturan pemohon adalah mematuhi peruntukan Akta;

(b) maklumat berhubung dengan skim pelesenan pemohon disediakan untuk orang ramai;

(c) bahawa pemohon adalah layak dan sesuai untuk menjadi badan pelesenan; dan

(d) bahawa fi yang ditetapkan telah dibayar.

### **Daftar Badan Pelesenan**

7. (1) Pengawal hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar yang dinamakan Daftar Badan Pelesenan mengikut apa-apa bentuk dan pada apa-apa bahantara yang ditentukan oleh Pengawal.

(2) Daftar hendaklah mengandungi semua butiran berhubung dengan badan pelesenan sebagaimana yang diberitahu kepada Pengawal oleh badan pelesenan.

(3) Mana-mana orang boleh membuat permintaan kepada Pengawal, dalam Borang LB-2 bersama dengan fi yang ditetapkan, untuk memeriksa Daftar.

(4) Apabila diluluskan oleh Pengawal, seseorang yang membuat permintaan itu boleh memeriksa Daftar di Pejabat Hak Cipta pada bila-bila masa dan atas apa-apa syarat yang ditentukan oleh Pengawal.

### **Pembatalan**

8. (1) Perisytiharan adalah sah melainkan jika dibatalkan oleh Pengawal.

(2) Sesuatu badan pelesenan yang terkilan dengan keputusan Pengawal untuk membatalkan perisytiharan yang diberikan kepada badan pelesenan itu boleh meminta Pengawal, dalam Borang LB-3 bersama dengan fi yang ditetapkan, untuk alasan pembatalan bagi maksud merayu kepada Tribunal.

(3) Badan pelesenan hendaklah, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh keputusan Tribunal, menyampaikan satu salinan keputusan itu kepada Pengawal bersama dengan Borang LB-4.

### **Kewajipan badan pelesenan**

9. (1) Jika sesuatu badan pelesenan telah mengubah peraturannya yang membentuk sebahagian daripada dokumen konstituennya yang disebut di perenggan 27A(2)(a) Akta, badan pelesenan itu hendaklah mengemukakan peraturan yang telah diubah itu, dalam borang LB-5 bersama dengan fi yang ditetapkan, kepada Pengawal dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh perubahan itu.

(2) Jika terdapat apa-apa perubahan pada butiran yang dinyatakan di Borang LB-1, badan pelesenan itu hendaklah memaklumkan perubahan itu kepada Pengawal, dalam Borang LB-6 bersama dengan fi yang ditetapkan, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh perubahan tersebut.

(3) Badan pelesenan hendaklah memberikan kepada Pengawal dokumen yang disebut dalam subseksyen 27A(5) Akta bersama Borang LB-7.

**Fi yang tidak boleh dibayar balik**

10. Apa-apa fi yang dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini tidaklah boleh dibayar balik.

JADUAL PERTAMA

FI  
[Peraturan 3]

Butiran	Perihal	Fi (RM)
1.	Permohonan untuk perisytiharan [ <i>subperaturan 5(1)</i> ]	1,000
2.	Permintaan untuk memeriksa Daftar [ <i>subperaturan 7(3)</i> ]	20 bagi setiap jam
3.	Permintaan untuk alasan pembatalan perisytiharan [ <i>subperaturan 8(2)</i> ]	1,000
4.	Pengemukakan peraturan yang telah diubah [ <i>subperaturan 9(1)</i> ]	200
5.	Memaklumkan perubahan dalam butiran [ <i>subperaturan 9(2)</i> ]	100

## JADUAL KEDUA

BORANG  
[Peraturan 4]

Butiran	Perihal	Borang
1.	Permohonan untuk perisytiharan [subperaturan 5(1)]	LB-1
2.	Permintaan untuk memeriksa Daftar [subperaturan 7(3)]	LB-2
3.	Permintaan untuk alasan pembatalan perisytiharan [subperaturan 8(2)]	LB-3
4.	Penyampaian salinan keputusan Tribunal [subperaturan 8(3)]	LB-4
5.	Pengemukaan peraturan yang telah diubah [subperaturan 9(1)]	LB-5
6.	Memaklumkan perubahan dalam butiran [subperaturan 9(2)]	LB-6
7.	Pemberian dokumen di bawah subseksyen 27A(5) Akta [subperaturan 9(3)]	LB-7

Dibuat 24 Mei 2012  
[KPDN (PUU) (PU2)26/5/5; PN(PU2)457/IV]

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan*

COPYRIGHT ACT 1987  
COPYRIGHT (LICENSING BODY) REGULATIONS 2012

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Prescribed fees
4. Forms
5. Application for declaration
6. Declaration
7. Register of Licensing Bodies
8. Revocation
9. Obligations of a licensing body
10. Non-refundable fees

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

COPYRIGHT ACT 1987

COPYRIGHT (LICENSING BODY) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by sections 27A and 59 of the Copyright Act 1987 [Act 332], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Copyright (Licensing Body) Regulations 2012**.

(2) These Regulations come into operation on 1 June 2012.

**Interpretation**

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Act” means the Copyright Act 1987;

“Register” means the Register of Licensing Bodies referred to in subregulation 7(1);

“Copyright Office” means the office of the Corporation;

“Controller” shall have the same meaning as defined under the Act;

“Corporation” shall have the same meaning as defined under the Act;

“Tribunal” shall have the same meaning as defined under the Act.

**Prescribed fees**

3. The fees payable under these Regulations shall be as prescribed in the First Schedule.

### **Forms**

4. (1) The forms listed in the Second Schedule shall be used for the purposes mentioned in these Regulations.

(2) The contents of the forms listed in the Second Schedule shall be such as may be determined by the Controller.

### **Application for declaration**

5. (1) An application for a declaration under subsection 27A(2) of the Act shall be made in Form LB-1 together with the prescribed fee to the Controller.

(2) The Form LB-1 shall be signed by a director, manager, secretary, partner, or other similar officer or person of the society, organization, body corporate or firm, as the case may be.

### **Declaration**

6. (1) Subject to regulation 5, the Controller may issue a declaration under subsection 27A(3) of the Act declaring an applicant to be a licensing body if the Controller is satisfied that—

(a) the applicant's rules are in compliance with the provisions of the Act;

(b) information relating to the licensing scheme is available to the public;

(c) the applicant is fit and proper to be a licensing body; and

(d) the prescribed fee has been paid.

### **Register of Licensing Bodies**

7. (1) The Controller shall keep and maintain a register called the Register of Licensing Bodies in such form and on such medium as the Controller may determine.

(2) The Register shall contain all such particulars relating to a licensing body as notified by the licensing body to the Controller.

(3) Any person may make a request to the Controller, in Form LB-2 together with the prescribed fee, to examine the Register.

(4) Upon approval by the Controller, the person who made the request may examine the Register, at such time and upon such conditions as may be determined by the Controller, at the Copyright Office.

### **Revocation**

8. (1) A declaration shall be valid unless revoked by the Controller.

(2) A licensing body which is aggrieved by the decision of the Controller to revoke the declaration given to the licensing body may request from the Controller, in Form LB-3 together with the prescribed fee, for grounds of the revocation for the purpose of appealing to the Tribunal.

(3) The licensing body shall, within fourteen days from the date of the decision of the Tribunal, serve a copy of such decision on the Controller together with Form LB-4.

### **Obligations of a licensing body**

9. (1) If a licensing body has altered its rules forming part of its constituent document referred to in paragraph 27A(2)(a) of the Act, the licensing body shall submit the altered rules in Form LB-5 together with the prescribed fee to the Controller within thirty days from the date of the alteration.

(2) If there are changes to the particulars specified in Form LB-1, the licensing body shall inform the Controller of such changes, in Form LB-6 together with the prescribed fee, within thirty days from the date of the changes.

(3) A licensing body shall provide the documents under subsection 27A(5) of the Act together with Form LB-7.

### Non-refundable fees

10. Any fee paid under these Regulations shall not be refundable.

#### FIRST SCHEDULE

##### FEES [Regulation 3]

Item	Description	Fee (RM)
1.	Application for declaration [subregulation 5(1)]	1,000
2.	Request to examine the Register [subregulation 7(3)]	20 per hour
3.	Request for grounds of revocation [subregulation 8(2)]	1,000
4.	Submission of the altered rules [subregulation 9(1)]	200
5.	Informing of changes to particulars [subregulation 9(2)]	100

#### SECOND SCHEDULE

##### FORMS [Regulation 4]

Item	Description	Form
1.	Application for declaration [subregulation 5(1)]	LB-1
2.	Request to examine the Register [subregulation 7(3)]	LB-2
3.	Request for grounds of revocation [subregulation 8(2)]	LB-3
4.	Serve a copy of the Tribunal's decision [subregulation 8(3)]	LB-4
5.	Submission of the altered rules [subregulation 9(1)]	LB-5
6.	Informing of changes to particulars [subregulation 9(2)]	LB-6
7.	Provision of the documents under subsection 27A(5) of the Act [subregulation 9(3)]	LB-7

Made 24 May 2012  
[KPDN (PUU) (PU2)26/5/5; PN(PU2)457/IV]

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
*Minister of Domestic Trade,  
Cooperative and Consumerism*